

DUA kakitangan PTG Pahang dibawa ke Mahkamah Majistret untuk mendapatkan perintah tahanan reman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah perlombongan bauksit di Kuantan, semalam.

Bauksit: Dua lagi kakitangan PTG direman

Oleh ZAMZURINA AHMAD

zamzurina.ahmad@gmail.com

KUANTAN 11 JAN.

DUA lagi kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) di sini ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan perlombongan bauksit.

Perintah reman selama enam hari bermula hari ini dikeluarkan oleh Majistret Noor Aisah Mohamed pagi ini.

Kedua-dua suspek yang berumur 51 dan 57 tahun sebelum itu hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini semalam.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 7(a) Akta SPM 2009.

Sehingga kini, seramai enam kakitangan PTG dan tiga orang awam ditahan reman berhubung siasatan rasuah daripada pengusaha lombong bauksit haram.

Khamis lalu, empat pegawai ba-

hagian penguat kuasa PTG negeri ditahan SPM selepas dipercayai menerima rasuah daripada pengusaha lombong bauksit haram.

Mereka ditahan di sekitar bandar Kuantan dalam operasi khas selepas disyaki menerima suapan menerusi penjualan Dokumen Pemindahan Mineral (borang 13D) pada harga antara RM150 hingga RM200 kepada pengusaha lombong haram.

Pemeriksaan di rumah seorang daripada suspek juga membawa kepada penemuan lebih RM100,000 yang disembunyi dalam mesin basuh.

Jumaat lalu, tiga orang awam pula ditahan kerana dipercayai menjadi orang tengah bagi penjualan dokumen 13D.

SPRM kini giat menjalankan siasatan bagi mengesan mereka yang terbabit dalam jenayah rasuah sehingga menyebabkan berlakunya kegiatan perlombongan haram dan ketirisan yang dianggarkan bernilai RM187 juta dari segi hasil kutipan royalti tahun lalu.

SPRM akan buat beberapa tangkapan lagi - Azam

um. 12/1/16

ms. 6

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan terdapat beberapa tangkapan lagi berhubung kes rasuah melibatkan pengeluaran dokumen pemindahan mineral (Borang 13D) untuk perlombongan bauksit haram di Pahang.

Bagaimanapun, siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengumpul bukti buat masa ini.

Pengarah Bahagian Siasatan SPM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan tidak menolak akan membuat beberapa tangkapan," katanya.

Dalam pada itu, Azam turut mengesahkan dua pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang yang ditahan semalam,

direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah melibatkan pengeluaran dokumen untuk perlombongan bauksit haram di negeri itu.


Bagaimanapun, empat lagi individu yang turut ditahan semalam telah dibebaskan dengan jaminan.

"Kedua-dua mereka akan direman bermula hari ini sehingga Sabtu ini," ujarnya.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan enam lagi pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang termasuk seorang wanita ditahan hari

ini bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan pengeluaran dokumen pemindahan mineral (Borang 13D) untuk perlombongan bauksit haram di negeri itu.

Kesemua yang ditahan berurutan di antara 42 tahun hingga 57 tahun namun tiada wang tunai dirampas semasa tangkapan dibuat.



AZAM BAKI